

## **BILANGAN 10 TAHUN 2013**

### **ABSTRAK**

# **SELANGOR DALAM PUISI: IDENTITI SEBAGAI ASAS PEMANTAPAN TAMADUN OLEH ARBAK OTHMAN**

(Artikel 1)

Penulisan ini akan membicarakan konsep identity dalam karya puisi penyair-penyair negeri Selangor. Oleh sebab identity itu merujuk kepada milik peribadi atau etnik, pandangan yang termuat dalam kandungan puisi dianalisis menurut kehadiran sifat dan ciri-ciri jati diri Melayu yang merupakan produk sejarawi daripada jati diri bangsa Melayu yang terbentuk berzaman-zaman di daerah kepulauan Melayu. Semua fikiran yang terbaca dalam puisi penyair negeri Selangor tidak dapat tidak menggambarkan kesetiaan orang Melayu terhadap Sultan, kesayangan orang Melayu terhadap harta warisan yang ditinggalkan oleh sejarah dalam bentuk norma budaya yang mesti dipatuhi dan dijadikan ukuran amalan bangsa Melayu untuk kehidupan mereka dalam masyarakat Melayu selama ini. Oleh sebab jati diri tidak boleh dikongsi oleh bangsa atau etnik lain, pengucapannya tetap tertakluk kepada konsep yang ditinggalkan oleh agama Islam sebagai asas pembentukan tamadun Melayu di negeri Selangor. Hal ini kerana nilai budaya bangsa-bangsa yang tinggal di negeri Selangor berakar umbi daripada nilai budaya Melayu Nusantara, supaya konsep identiti Melayu disumbangkan sepenuhnya oleh etnik-etnik keturunan induk Melayu seperti etnik Jawa, Mandailing, Bugis, Kerinci, Banjar, Minangkabau dan lain-lain di Selangor. Oleh sebab itu konsep identiti Melayu bukanlah konsep yang menimbulkan tanggapan yang sempit, malahan merangkumi tanggapan tentang jati diri etnik lain yang bernaung di bawah jati diri Melayu yang luas. Dalam penulisan ini akan disorot cara berfikir orang Melayu, kepercayaan mereka, pengertian nilai moral, etika, seni dan ilmu pengetahuan yang menjadi landasan rujukan hidup mereka, berdasarkan bahan bukti yang terungkap dalam puisi-puisi penyair negeri Selangor, termasuk kemungkinan-kemungkinan yang ditafsirkan oleh norma hidup dan kesan arttifik budaya dalam kehidupan orang Melayu mengikut landasan yang ditetapkan oleh agama Islam yang menjadi asas kehidupan bangsa Melayu sejak berzaman

lamanya di Selangor secara khusus dan negara Malaysia secara amnya. Takrif jati diri, rujukan dan perkaitannya akan dikaji menurut yang termuat dalam kandungan puisi-puisi penyair Selangor melalui tafsiran semiotik dan hermeneutik terhadap kajian dan penilaian hasil-hasil kesusastraan Melayu secara menyeluruh berdasarkan bukti-bukti yang ada dalam karya puisi.

**MELIHAT IDENTITI SELANGOR DALAM PENULISAN DRAMA PENTAS**  
**OLEH**  
**A. RAHIM ABDULLAH**  
(Artikel 2)

Negeri Selangor Darul Ehsan terkenal dengan pelbagai cerita rakyat, mitos dan lagenda yang masih kekal dan segar di hati rakyat dan orang ramai. Kisah seperti “Batu Belah Batu Bertangkup” dan “Si Tanggang” adalah antara beberapa teks yang terkenal dan telah pun difilemkan pada era 1950-an dan 1960-an. Namun begitu, tidak semua kisah itu telah dibukukan dan dijadikan teks drama. Rahmah Bujang, misalnya berjaya menulis dan mengarahkan drama *Muzikal Tanggang* pada tahun 1996. Namun, teks ini tidak berhasil menitikberatkan ataupun menggambarkan latar tempat berlakunya peristiwa itu di suatu tempat dalam negeri Selangor. Dalam wacana ini penulis cuba menghuraikan tiga buah drama hasil tiga pengarang yang boleh membawa khalayak ke latar sosial dan budaya di negeri Selangor. Drama-drama tersebut ialah *Bumiku yang Tergadai* karya Maaruf Mahmud (1993); *Muzika Rubiah* karya Samoza (1999/2002) dan *Selendang Sutera dari Malaya* karya Saloma Mat Lajis (2008).

**JATI DIRI NEGERI SELANGOR DALAM PROSA PERSURATAN MELAYU**  
**OLEH**  
**HAMZAH HAMDANI**  
(Artikel 3)

Jati diri adalah sifat-sifat yang terdapat pada seseorang yang memperkenalkan atau mengasingkannya daripada yang lain. Karya sastera yang terhasil daripada pengalaman, pengamatan dan pengetahuan yang diperoleh penulisnya daripada masyarakatnya, maka karyanya adalah cerminan jati diri masyarakatnya. Negeri Selangor yang mempunyai tradisi kesultanan sejak 1766 dan penduduknya kini sekitar lima juta orang, yang terdiri daripada pelbagai etnik dari alam Melayu serta pendatang dari China dan India, jati dirinya terbina dalam pembauran sejarah, ekonomi dan budaya yang pelbagai. Makalah ini menumpukan perhatian kepada jati diri yang tergambar dalam genre prosa Melayu, khususnya kepada buku *Pesaka Selangor* (1737; 1966) karya Dato' Amar Diraja Wan Muhammad Amin Wan Muhammad Said dan novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) karya Sasterawan Negara Dato' Dr. Anwar Ridhwan. Berdasarkan dua buah karya ini, sedikit banyak tergambar jati diri Negeri Selangor berkaitan sejarah, tradisi kesultanan dan para pembesar istana dan corak kehidupan satu daripada etnik Melayu di Selangor, iaitu masyarakat keturunan Jawa di Sabak Bernam.

**PERUBAHAN SOSIAL DAN IDENTITI MASYARAKAT BANJAR DI MALAYSIA :**  
**SEBUAH TINJAUAN UMUM**  
**OLEH**  
**MOHAMED SALLEH LAMRY**  
(Artikel 4)

Orang Banjar dari Kalimantan Selatan (Kalsel) telah keluar merantau secara beramai-ramai, termasuk ke Semenanjung Malaysia pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Sebahagian besar daripada mereka merupakan “perantau hilang”, iaitu perantau yang terus menetap di parantauan. Di perantauan mereka membuka “kampung Banjar” dan meneruskan cara hidup Banjar sebagaimana di Kalsel. Dengan berlalunya waktu lebih 100 tahun, kini telah berlaku pelbagai perubahan dalam cara hidup keturunan mereka di perantauan. Perubahan social ini berlaku tertutamanya sebagai kesan dari dasar dan rancangan pembangunan kerajaan, tetapi ada juga kerana pengaruh persekitaran, termasuk pengaruh globalisasi. Oleh itu, berdasarkan kajian dan pemerhatian di beberapa kampung Banjar di Malaysia, makalah ini ingin menghuraikan dua perkara : a) latar belakang sejarah b) perubahan sosial dan identiti dalam kalangan orang Banjar di perantauan. Dalam latar belakang sejarah akan dihuraikan proses penghijrahan orang Banjar dan pembukaan kampung Banjar serta pembentukan komuniti Banjar di Malaysia. Antara perubahan sosial yang akan dihuraikan pula termasuklah perubahan dari petani tradisional menjadi petani moden, penghijrahan ke rancangan pembangunan tanah dan ke bandar dan mobiliti sosial melalui pendidikan. Di samping itu, akan dihuraikan juga dua perubahan sosial yang lain, iaitu kemerosotan penggunaan Bahasa Banjar dan meluasnya perkahwinan antara orang Banjar dengan suku lain. Semua perubahan sosial ini turut melibatkan perubahan identiti dalam kalangan orang keturunan Banjar, walaupun pada dasarnya mereka masih mengaku sebagai orang Banjar. Akan tetapi, mereka kini jelas telah berubah menjadi “Banjar Baru” dan bukan lagi “Banjar Lama” sebagaimana datuk nenek mereka.

**PENGARUH PERADABAN ISLAM DALAM MANUSKRIPT MELAYU**  
**OLEH**  
**MOHD. RASHID MD. IDRIS**  
(Artikel 5)

Kajian ini melihat pengaruh peradaban Islam dalam manuskrip Melayu. Pengaruh peradaban Islam ini dapat difahami melalui definisi peradaban, konsep peradaban menurut pandangan sarjana Islam dan pengaruh asimilasi dalam peradaban Islam. Pengaruh peradaban Islam ini dikaitkan dalam kajian manuskrip Melayu bagi memperlihatkan bahawa peradaban Islam sememangnya cukup kuat untuk menguasai bidang kesusasteraan Melayu. Aspek yang diberikan penekanan dalam kajian ini melibatkan beberapa pengaruh peradaban Islam seperti tulisan jawi sebagai wahana penyebaran ilmu, konsep agama dan ketatanegaraan. Beberapa jenis kesusasteraan Melayu yang telah menerima pengaruh peradaban Islam juga dibincangkan bagi memperlihatkan kejelasan konsep dalam kajian ini. Antaranya ialah hikayat, cerita panji, kitab, undang-undang dan cerita berbingkai.

Kata kunci: peradaban Islam, Islam, manuskrip, kesusasteraan dan Melayu.

**PENGURUSAN PROTOKOL SUSUNAN KEUTAMAAN DALAM KONTEKS  
PERHUBUNGAN AWAM DI NEGERI SELANGOR**

**OLEH**

**MOHD. YAHYA MOHAMED ARIFFIN & JESSICA ONG HAI LIAW**

(Artikel 6)

Makalah ini akan membincangkan pengurusan protocol (susunan keutamaan) dalam majlis-majlis rasmi yang melibatkan bidang tugas pengamal perhubungan awam di Selangor Darul Ehsan. Protokol ini melibatkan susunan pihak Istana Negeri Selangor, peringkat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, agensi negeri dan agensi pusat. Setiapnya mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi susunan keutamaannya. Pengamal perhubungan awam profesional di Selangor kerap terlibat dalam pengurusan acara dan majlis rasmi organisasi. Maka, mereka perlu memahami susunan ini dalam menguruskan protokol susunan keutamaan kerana ia telah menjadi amalan sejak sekian lama terutama dalam majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi yang melibatkan para pembesar dan orang kenamaan Negeri Selangor. Perbincangan tertumpu kepada protokol di Negeri Selangor yang diamalkan dalam menentukan susunan tempat duduk majlis-majlis rasmi dan jamuan melibatkan pihak istana, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, agensi kerajaan Persekutuan yang terletak di Negeri Selangor dan agensi kerajaan Negeri Selangor.

**PENGGUNAAN SIRIH PINANG DALAM BUDAYA MELAYU: KAJIAN ETNOGRAFI  
SIMBOLIK**

**OLEH**

**INTAN SALINA IDRUS**

(Artikel 7)

Kajian ini merupakan kajian mengenai sirih pinang yang dilihat dari perspektif simbol dalam masyarakat Melayu. Kajian ini menerapkan pendekatan etnografi simbolik yang juga dikenali sebagai interpretasi etnografi ataupun tafsir kebudayaan. Kajian ini adalah untuk melihat di kalangan masyarakat Melayu makna di sebalik penggunaan sirih pinang. Dengan simbol inilah manusia saling menyampaikan fikiran, perasaan, etnografi dan komunikasi.

Kata kunci : Simbol, sirih pinang, etnografi simbolik